

08 OCT 2003

Mahathir-Myanmar

ASEAN TIDAK AKAN GUNA SEKATAN TERHADAP MYANMAR, KATA DR M

Oleh: Openg Onn dan Salbiah Said

NUSA DUA (Bali), 8 Okt (Bernama) -- Asean tidak akan mengenakan apa-apa sekatan terhadap Myanmar berikutan tindakan kerajaan tentera negara itu mengenakan perintah tahanan rumah terhadap pemimpin pro-demokrasi Aung San Suu Kyi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita tidak percaya mengenakan sekatan terhadap mana-mana negara yang tidak mahu atau tidak dapat mengamalkan demokrasi. Jika anda kenakan sekatan, anda menghukum rakyat dan menafikan mereka ubat-ubatan dan sebagainya," kata beliau dalam persidangan media di akhir lawatannya ke Bali untuk menghadiri sidang kemuncak kesembilan Asean.

Tindakan seperti itu adalah cara kejam dalam menyebarkan satu ideologi yang dianggap baik, dan menambah kata jika demokrasi begitu baik, maka ia tidak harus menggunakan keadah seperti itu, seperti menggugurkan bom atom.

"Satu-satunya negara yang telah menggugurkan bom atom ialah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi. Dan saya tidak suka dengan cara itu," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada beliau kesal kerana menjadi penggerak utama dalam menerima Myanmar dalam perkumpulan serantau itu, beliau berkata "tidak kesal."

Beliau berkata, rakyat Myanmar telah melalui detik-detik yang sukar dan mereka terpaksa bertindak terhadapnya.

"Kita perlu bersabar dengan mereka," kata beliau.

Menjawab satu lagi soalan mengenai Myanmar, beliau berkata Asean mahu melihat Myanmar menjadi sebuah negara demokratik dan mahu memahami masalah yang dihadapi oleh negara itu.

"Bukan beliau satu orang sahaja yang menentang kerajaan Myanmar hari ini.

"Mereka mempunyai lebih kurang 100 kumpulan etnik, yang mempunyai senapang dan roket. Mereka sebelum ini menentang kerajaan Myanmar tetapi hari ini ada sedikit perdamaian tetapi mereka mengekalkan senjata mereka," kata beliau.

Asean, kata beliau, mahu melihat Myanmar maju ke arah demokrasi kerana pelan damai telah dirangka.

"Mungkin masanya perlu diubahsuai dan terus maju. Kita tidak memikirkan bahawa kita perlu menggunakan tekanan terhadap Myanmar yang hanya akan mengakibatkan rakyat negara itu menjadi mangsa dan bukan kerajaan berkenaan. Ini tidak akan memberikan apa-apa kebaikan," kata beliau.

Perdana Menteri itu juga diminta mengulas mengenai kejadian penculikan 10 orang oleh kumpulan yang tidak dikenali di Borneo Paradise Eco Farm Resort di Kunak, Ahad lepas.

Beliau berkata kejadian itu sangat dikesali yang menunjukkan Malaysia terpaksa mengetatkan lagi keselamatannya dan juga meningkatkan kerjasama dengan negara-negara jiran.

"Kita tidak mahu aktiviti ini kerana orang ramai tidak mengetahui sebenarnya berapa besarkah Asia Tenggara dan mereka memikirkan jika ada sesuatu berlaku pada satu tempat di rantau ini, keseluruhan Asia Tenggara menjadi satu kawasan yang tidak selamat. Sebab itu kita kesal dengan kejadian ini. Kita akan mengambil langkah untuk menghalang aktiviti seperti ini," kata beliau.

-- BERNAMA

SS OPP HS BK PR